

# Influenza H1N1 landa Malaysia

KUALA LUMPUR - Selepas merebak ke 34 negara, mencatatkan hampir 7,300 kes termasuk 65 kematian, wabak influenza A (H1N1) akhirnya dikesan di Malaysia semalam dengan mangsa pertamanya seorang pelajar yang tiba dari New York, Amerika Syarikat pada Rabu lalu.

Pelajar lelaki berusia 21 tahun itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bersama 191 penumpang lain dengan pesawat MH091 Boeing B777-200 Penerbangan Malaysia.

Sewaktu tiba, dia dikatakan sihat tetapi mengalami demam dan sakit tekak selepas tiba di rumahnya. Dia kemudian dihantar untuk pemeriksaan di Hospital Sungai Buloh kelmarin.

Sebaik disahkan positif influenza A, dia terus di-kuarantin dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Pada masa yang sama, pihak berkuasa kesihatan bertindak mengarahkan perintah kuarantin rumah terhadap lima ahli keluarganya sementara usaha mengesan 191 penumpang lain dilakukan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiohng Lai yang datang penerbangan ke Geneva, Switzerland untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Kesihatan

KOSMO 16/05/2009 M/S 3



**MANGSA kes pertama influenza H1N1 dipercayai terlepas saringan kesihatan di KLIA kerana dia hanya demam sehari selepas tiba dari New York.**

Sedunia (WHO) mengesahkan laporan kes pertama di Malaysia itu ketika dihubungi *Bernama* semalam.

Tiohng Lai turut menasihatkan orang ramai supaya berjaga-jaga dan segera mendapatkan rawatan jika berasa tidak sihat.



**SUASANA di KLIA tetap seperti biasa semalam selepas negara dikejutkan dengan penemuan kes pertama influenza A yang menjangkiti seorang pelajar selepas dia tiba di lapangan terbang itu pada Rabu lalu.**


## Penumpang MH091 kena lapor diri

KUALA LUMPUR - Berikutan pengesahan kes pertama influenza A (H1N1) di Malaysia, semua penumpang Penerbangan Malaysia MH091 dari New York yang tiba di KLIA pada 7.15 pagi 13 Mei lepas diminta menghubungi Kementerian Kesihatan kerana pesakit itu menaik pesawat yang sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, penumpang boleh menghubungi kementerian menerusi talian 03-8881 0200 atau 03-8881 0300 untuk tindakan susulan.

Katanya, kes pertama influenza A di Malaysia melibatkan pelajar lelaki berumur 21 tahun yang baru pulang dari Amerika Syarikat pada 13 Mei lepas dan mula mengalami demam, sakit tekak dan sakit badan kelmarin dan dimasukkan ke Hospital Buloh pada petang hari yang sama.

"Dia telah diberi rawatan



antiviral dan kini dalam keadaan stabil," kata Dr. Ismail dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Ismail berkata, Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan pencegahan dan kawalan termasuk menghubungi ahli keluarga pelajar itu dan mengesan sejarah komunikasi beliau dengan penumpang serta anak kapal lain dalam pesawat yang sama dengannya.

Kementerian telah meminta semua klinik dan hospital swasta agar sentiasa berwaspada dan merujuk segera kes-kes individu yang baru kembali dari negara yang dilanda

wabak influenza A (H1N1) dan mengalami demam serta gejala batuk, susah bernafas, sakit badan, sakit kepala atau sakit tekak.

Sehingga pukul 12 tengah malam kelmarin, kementerian telah menerima 11 lagi notifikasi kes di mana enam dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sungai Buloh, dua kes di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban dan masing-masing satu kes di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu. Mereka dirawat bagi tujuan siasatan dan pe-

merhatian.

"Kesemua kes menunjukkan tanda-tanda jangkitan influenza dan mempunyai sejarah melawat negara yang dilanda wabak berkenaan. Sampel klinikal kesemua pesakit itu telah dihantar kepada IMR (Institut Penyelidikan Perubatan) untuk ujian makmal dan didapati negatif," katanya.

Pada masa ini, 20 pengimbas telah dipasang di pintu masuk negara dan sejumlah 9,324 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring.

## MAS bantu kesan mangsa wabak

KUALA LUMPUR - Penerbangan Malaysia (MAS) akan membantu Kementerian Kesihatan mengesan para penumpang pesawatnya, MH091 yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari New York pada Rabu lalu untuk menjalani saringan influenza A (H1N1).

Pengurus Operasi MAS, Datuk Tajudin Abu Bakar dalam satu kenyataan semalam menjelaskan, pihaknya telah dimaklumkan mengenai lapo-

ran kes itu semalam.

"Kita telah sediakan pusat panggilan untuk krew penerbangan bagi memberikan panduan langkah-langkah yang sepatutnya diambil mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan," jelasnya.

Katanya, MAS juga akan meneruskan kerjasama dengan kementerian berkenaan bagi memantau dan membuat saringan ke atas penumpang dan krew pesawat sebagai langkah pencegahan wabak daripada merebak.



PESAWAT Boeing B 777-200 Penerbangan Malaysia seperti inilah yang dinaiki oleh mangsa pertama influenza A di negara ini. Mangsa tiba di KLIA pada Rabu lalu.

penyakit pernafasan teruk, dan beberapa komplikasi mengancam nyawa yang teruk.



Sumber: Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia

*Ratu*  
Herbal Bar

Penjagaan kesihatan dan rawatan kaki serta agen pembuangan daki yang sebarati dengan tubuh anda.

MAL 06041314 K  
S.M. RM12.50 S.S. RM15.50

013-484 6484 / 019-417 7884